



Bab 3 Konsonan

Padanan huruf Rumi dan Jawi telah diterangkan pada Bab 1. Dalam bab ini, kita berfokus pada beberapa konsonan Rumi yang mempunyai lebih daripada satu padanan Jawi. Perkara ini menjadi salah satu daripada cabaran utama dalam proses mempelajari tulisan Jawi.

Huruf-huruf yang dimaksudkan itu ialah... 'd', 'h', 'k', 's', 't', dan 'z'.

'd' diwakili oleh dua huruf Jawi iaitu...

dal	د	d
dod	ض	ڏ / ڏ

Contoh: dalam (DALم) (دالی), padi (فاضل) (افضل), afdal (افضل) dan fardhu (فرض).

'h' diwakili oleh dua huruf Jawi iaitu...

hah	ح	h
ha	ه	h

Contoh: hari (هاري) (hari), halaman (هلامن) (halaman), ihsan (احسان) (ihsan) dan iham (احرام) (iham).

'k' diwakili oleh dua huruf Jawi iaitu...



qaf	ق	q
kaf	ك\ك	k

Contoh: kakak (کاکق), emak (امق), kahwin (کہوین), kaum (قوم), kafilah (قافلة), klinik (کلینیک), doktor (دوكتور) dan buku teks (بوكو تيڪ س).

‘s’ diwakili oleh tiga huruf Jawi iaitu...

tha	ث	th / s
sin	س	s
sod	ص	š / s

Contoh: Isnin (اثنين), Selasa (ثلاث), salah (ساله), sinar (سينر), sabar (صبر) dan fasih (فصيح).

‘t’ diwakili oleh dua huruf Jawi iaitu...

ta	ت	t
tho	ط	ṭ

Contoh: tahun (تاھون), buta (بوتا), sultan (سلطان) dan tabib (طبيب).

‘z’ diwakili oleh tiga huruf Jawi iaitu...

dzal	ذ	dz / z
zai	ز	z



zo	ظ	z
----	---	---

Contoh: zon (زون), zink (زنک), zat (ذات), zikir (ذیکیر), zalim (ظالم) dan zahir (ظاهر).

Daripada senarai dan contoh di atas pelajar mungkin dapat memerhatikan bahawa ‘dal’, ‘ha’, ‘kaf’, ‘sin’, ‘ta’ dan ‘zai’ biasanya digunakan untuk perkataan Melayu manakala yang lain biasanya digunakan khusus untuk kata serapan Arab.

Bagi huruf ‘k’, ‘kaf’ digunakan tetapi bagi **bunyi glotal** di akhir beberapa perkataan, huruf ‘qaf’ digunakan. Contohnya, ‘kakak’, ‘katak’, ‘emak’, ‘tekak’, ‘teruk’, ‘pokok’ dsb. Namun bagi kata serapan Inggeris, perkataan yang berakhir dengan ‘k’ biasanya berakhir dengan ‘kaf’ juga seperti ‘klinik’, ‘doktor’, ‘teknik’ dan ‘demokratik’ demi mengekalkan bunyi kata serapan Inggeris tersebut. Dengan sebab yang sama juga, terdapat huruf yang **dieja terpisah** seperti ‘teks’, ‘sains’, ‘golf’ (گولف) dan ‘zink’.

Sila maklum juga bahawa huruf ‘kaf’ dalam tulisan Jawi sentiasa ditulis begini (ك) sekalipun pada penghujung perkataan dan bukan begini (ك) yang biasanya ditulis dalam bahasa Arab.